

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH : 3 APRIL 2017**  
**SOALAN :**

**YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes Tuberkulosis di Malaysia bagi 3 tahun yang terakhir. Berapakah kes TB yang kebal antibiotik bagi tahun-tahun tersebut dan apa rancangan Kementerian bagi mengatasi masalah kuman TB kebal antibiotik.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit Tuberkulosis sudah lama wujud di negara kita. Jumlah kes Tibi pada 3 tahun terakhir adalah tahun 2014 (**24,711 kes**); tahun 2015 (**24,220 kes**) dan tahun 2016 (**25,747 kes**). Terdapat peningkatan **1,527 kes (6%)** jumlah kes Tibi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Peningkatan ini adalah selaras dengan strategi kementerian iaitu melakukan saringan dan pengesanan awal penyakit Tibi dan pesakit akan diberikan rawatan sehingga sembuh dan seterusnya tidak lagi menjadi punca penularan penyakit Tibi di kalangan masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit Tibi kebal antibiotik atau dikenali juga sebagai *Multi Drug Resistant Tuberculosis (MDR-TB)* berlaku apabila ujian *drug susceptibility testing (DST)* yang dilakukan adalah kebal terhadap ubatan anti-Tibi *Rifampicin* dan *Isoniazid*. Jumlah kes Tibi yang kebal antibiotik adalah tahun 2014 (**104 kes**); tahun 2015 (**101 kes**) dan tahun 2016 (**70 kes**).

Kementerian amat komited didalam tugas memastikan rakyat Malaysia sihat dan terhindar daripada mendapat penyakit Tibi atau MDR-TB. Diantara usaha yang telah di jalankan memastikan pesakit menerima rawatan terbaik melalui kaedah *directly observed treatment (DOT)* dimana setiap pesakit Tibi mempunyai penyelia rawatan terlatih yang akan memastikan pesakit mengambil ubatan anti-Tibi di hadapan penyelia tersebut setiap hari. Ini dapat memastikan pesakit tidak cicir atau terhenti rawatan. Pesakit yang terhenti rawatan mempunyai risiko yang lebih tinggi mendapat *MDR-TB*.

Disamping itu, kementerian telah menyediakan sebanyak 19 buah mesin *rapid molecular test (Gene Xpert)* ke seluruh negeri di Malaysia. Mesin ini berupaya mengesan kes-kes disyaki *resistant* Tibi dalam masa 2 jam berbanding kaedah lain yang mengambil masa 2 hingga 4 minggu.

Umumnya pesakit *MDR-TB* perlu mendapatkan rawatan regim *second-line* anti-Tibi yang mahal selama satu hingga dua tahun. Kementerian akan sentiasa memastikan bahawa bekalan ubatan *second line* bagi

merawat pesakit *MDR-TB* ini sentiasa ada di dalam negara dan pesakit tidak akan terputus bekalan ubatan ini.

Selain daripada itu, bagi memastikan pengurusan kes *MDR-TB* yang cekap dan betul, suatu garis panduan pengurusan kes iaitu *Clinical Practice Guideline (CPG) Management of Drug Resistant Tuberculosis* dan *Drug Resistant Tuberculosis - Information System (DR-TBIS)* surveilan telah mula dibangunkan semenjak tahun lepas (2016) dan pegawai perubatan telah mula di berikan latihan pengurusan kes-kes *MDR-TB* dan surveilan *DR-TBIS* ini di lapangan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Malaysia bagi mencegah dan mengawal penularan penyakit Tisi dan *MDR-TB*. Sekian, terima kasih.